


**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGAMALAN NILAI-
NILAI MURNI DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN SKUDAI, TAMAN SRI SKUDAI, JOHOR DARUL TA'ZIM.
SATU TINJAUAN.**

TIONG KIEW HA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : MOHD RIZAL MOHD SAID
Tarikh : 3 APRIL, 2006

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGAMALAN NILAI-
NILAI MURNI DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN SKUDAI, TAMAN SRI SKUDAI, JOHOR DARUL TA'ZIM.
SATU TUNJAUAN.**

TIONG KIEW HA

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kemahiran Hidup)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL, 2006

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : Tiong Kiew Ha .
Nama Penulis : TIONG KIEW HA
Tarikh : 3 APRIL, 2006

DEDIKASI

**Untuk Ibundaku dan Ayahandaku Tersayang
(Pn. Kong Wen Teh & En. Tiong Ching Teh)**

*Terima Kasih Atas Dorongan dan Kasih Sayang Yang Kalian Berikan
Kejayaan Ini Adalah Untuk Ibunda dan Ayahanda Tersayang*

**Untuk Adindaku
(Tiong Chee Beng & Tiong Chee Hoe)**

Sokongan Moral Kalian Meningkatkan Ketabahanku

Untuk Rakan Seperjuangan

Terima Kasih Atas Segala Bantuan dan Sokongan Yang Diberikan

TERIMA KASIH SEGALA-GALANYA.....

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan untuk melafazkan jutaan terima kasih serta sekalung penghargaan kepada penyelia Projek Sarjana Muda saya, iaitu Dr. Mohd Rizal Bin Mohd Said atas segala bimbingan, dorongan, tunjuk ajar, perbincangan serta nasihat pakar yang diberikan dalam menjayakan projek ini. Kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa bimbingan dan seliaan daripada beliau.

Penghargaan turut ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor atas kebenaran bertulis yang diberikan bagi menjalankan kajian ini di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim.

Seterusnya, ucapan ribuan terima kasih turut ditujukan kepada pensyarah Universiti Teknologi Malaysia, Cik Narina A. Samad. Beliau telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar serta pandangannya terhadap soal selidik yang saya gunakan dalam menjalankan kajian penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan juga kepada pengetua, penolong kanan, guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai yang banyak memberi bantuan dan kerjasama kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini. Hasil kajian yang tepat adalah berkat responden yang jujur dan bekerjasama.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan Projek Sarjana Muda saya ini.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau beberapa faktor yang difikirkan terlibat secara langsung dalam mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim. Dapatan kajian ini menumpukan kepada empat faktor iaitu faktor kekeluargaan, faktor latar belakang pendidikan, faktor rakan sebaya dan faktor persekitaran. Penyelidikan yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif. Sampel kajian terdiri daripada 200 orang pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Nilai kebolehpercayaan instrument kajian adalah $\alpha = 0.9008$. Penganalisan data telah dibuat dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil dari penganalisan data ini diterangkan secara statistik deskriptif dalam bentuk peratusan mengikut jumlah responden yang ada. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa majoriti daripada pelajar dipengaruhi oleh faktor kekeluargaan, diikuti oleh faktor latar belakang pendidikan, faktor persekitaran dan faktor rakan sebaya dalam pengamalan nilai-nilai murni.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the factors which influence the practices of the value of virtue among students in Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim. The finding focused on four factors; family, education background, peer and environment. Descriptive method was used in this study. About 200 Form Four students from Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim were selected as samples for this study. Questionnaire was used as the research instrument. The value of reliability for this study instrument was $\alpha = 0.9008$. The data were analyzed by using SPSS software. The results from the data analysis were presented by using descriptive statistical method which compares the percentage with the total amount of the respondents. From this study, it was found that majority of the respondents were influenced by family, followed by education background, environment and lastly peer in their practice of value of virtue.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pendahuluan	1
	1.3 Latar Belakang Masalah	3
	1.4 Pernyataan Masalah	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Persoalan Kajian	9

1.7	Kepentingan Kajian	9
	1.7.1 Pihak Sekolah	9
	1.7.2 Guru	10
	1.7.3 Penyelidik	10
1.8	Batasan Kajian	10
1.9	Definisi Terminologi	11
	1.9.1 Faktor	11
	1.9.2 Mempengaruhi	11
	1.9.3 Pengamalan	12
	1.9.4 Nilai-nilai Murni	12
1.10	Penutup	12

2

SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	13
2.2	Definisi Nilai dan Nilai-nilai Murni	13
2.3	Kepentingan Pengamalan Nilai-nilai Murni Kepada Individu Masyarakat	17
2.4	Nilai Merentasi Kurikulum	19
	2.4.1 Nilai-nilai Murni Dalam Sukatan Matapelajaran Pendidikan Moral Dan Definisinya	20
2.5	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pengamalan Nilai-nilai Murni	26
	2.5.1 Faktor Kekeluargaan	26
	2.5.2 Faktor Latar Belakang Pendidikan	30
	2.5.3 Faktor Rakan Sebaya	35
	2.5.4 Faktor Persekitaran	37
2.6	Penutup	41

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	42
3.2	Reka Bentuk Kajian	42
3.3	Tempat Kajian	43
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	44
3.5	Instrumen Kajian	45
3.6	Kajian Rintis	47
	3.6.1 Kesahan	47
	3.6.2 Kebolehpercayaan	48
3.7	Prosedur Kajian	49
3.8	Analisis Data	52
3.9	Penutup	53

4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	54
4.2	Analisis Bahagian A: Latar Belakang Responden	54
	4.2.1 Taburan Responden Mengikut Kelas Tingkatan 4	55
	4.2.2 Taburan Responden Mengikut Umur	55
	4.2.3 Taburan Responden Mengikut Kaum	56
	4.2.4 Taburan Responden Mengikut Jantina	56
	4.2.5 Taburan Responden Mengikut Agama	57
	4.2.6 Taburan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan Keluarga	58

4.3	Analisis Bahagian B: Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pengamalan Nilai-nilai Murni Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim.	58
4.3.1	Persoalan Kajian Pertama: Adakah faktor kekeluargaan boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar?	59
4.3.2	Persoalan Kajian Kedua Adakah faktor latar belakang pendidikan boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar?	62
4.3.3	Persoalan Kajian Ketiga: Adakah faktor rakan sebaya boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar?	66
4.3.4	Persoalan Kajian Keempat: Adakah faktor persekitaran boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar?	70
4.3.5	Analisis Keseluruhan: Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pengamalan Nilai-nilai Murni Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim.	74
4.4	Penutup	76

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	77
5.2	Rumusan Kajian	77
5.3	Perbincangan	79
5.3.1	Faktor Kekeluargaan	79
5.3.2	Faktor Latar Belakang Pendidikan	82
5.3.3	Faktor Rakan Sebaya	84
5.3.4	Faktor Persekitaran	86
5.2	Cadangan Kajian	87
5.4.1	Pihak Sekolah	87
5.4.2	Pihak Guru	88
5.4.3	Pihak Ibu Bapa	88
5.4.4	Pihak Pelajar	89
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	89
5.5.1	Mengkaji Faktor-faktor Lain	89
5.5.2	Meluaskan Populasi	89
5.5.3	Instrumen Kajian Lain	90
5.5.4	Kajian Berdasarkan Pengalaman Pelajar	90
5.4	Penutup	90

BIBLIOGRAFI	92
--------------------	----

LAMPIRAN A - H	102
-----------------------	-----

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Statistik jenayah keganasan	6
1.2	Statistik jenayah harta benda	6
2.1	Definisi nilai-nilai murni	20
3.1	Taburan item soal selidik mengikut aspek kajian	46
3.2	Skala likert tiga pemeringkatan di bahagian B soal selidik	46
3.3	Statistik yang digunakan dalam penganalisan data	52
4.1	Taburan responden mengikut kelas Tingkatan 4	55
4.2	Taburan responden mengikut umur	55
4.3	Taburan responden mengikut kaum	56
4.4	Taburan responden mengikut jantina	56
4.5	Taburan responden mengikut agama	57
4.6	Taburan responden mengikut jumlah pendapatan keluarga	58
4.7	Faktor kekeluargaan	59
4.8	Faktor latar belakang pendidikan	62
4.9	Faktor rakan sebaya	66
4.10	Faktor persekitaran	70
4.11	Analisis keseluruhan	74

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Carta Alir Prosedur Kajian	51

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN

%	-	Peratusan
En.	-	Encik
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
<i>f</i>	-	Kekerapan
FPN	-	Falsafah Pendidikan Malaysia
Hj.	-	Haji
J.K.D	-	Perdagangan Daerah Batu Pahat
JPNJ	-	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
Pn.	-	Puan
S	-	Setuju
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	Statistical Package For Social Sciece
TP	-	Tidak Pasti
TS	-	Tidak Setuju
YPJM	-	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat kebenaran daripada Fakulti Pendidikan, UTM	107
B	Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD)	108
C	Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Jabatan Pelajaran Negeri Johor	109
D	Surat permohonan membuat kajian ke sekolah	111
E	Surat pengesahan soal selidik daripada pensyarah UTM, Cik Narina A. Samad	112
F	Contoh borang soal selidik lengkap	113
G	Statistik kes jenayah	119
H	Jadual penentuan saiz sampel berdasarkan populasi Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W.	120

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, perkara yang dibincangkan terbahagi kepada lapan bahagian. Antaranya ialah pendahuluan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi terminologi.

1.2 Pendahuluan

Pada alaf yang baru ini, dunia telah mengalami banyak perubahan dari segi perkembangan dan pembangunan serta kemajuan dalam ekonomi dan penggunaan teknologi (Jabatan Perdana Menteri, 2001). Perubahan-perubahan ini telah memberikan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi, sains dan teknologi, cara hidup, sosio-ekonomi, sistem kepercayaan, nilai dan moral masyarakat (J.K.D Perdagangan Daerah Batu Pahat, 2005). Walaupun proses modenisasi ini boleh membantu dalam perkembangan dan pembangunan sesebuah negara tetapi juga boleh menjurus kepada masalah jenayah di kalangan remaja. Menurut Ahmad (1999), dalam dunia yang serba moden ini, masyarakat yang inginkan kemewahan menjadi semakin individualistik dan materialistik. Manusia bersikap mementingkan diri sendiri dan mengabaikan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Ekoran daripada pengabaian nilai-nilai murni di kalangan masyarakat, fenomena kemerosotan sosial dan keruntuhan moral sering dikatakan di sana sini. Menurut Lee (2005), dalam Zainuddin (2005), keruntuhan moral terutamanya di kalangan remaja berada pada tahap yang amat membimbangkan dan semakin meningkat. Masalah keruntuhan akhlak telah membawa kepada gejala yang tidak bermoral dan beretika dalam masyarakat hari ini. Peningkatan kes jenayah juvana seperti berjudi, mencuri, kongsi gelap, peras ugut, bunuh, samun, curi, lumba haram, pecah rumah, bohsia, bohjan, zina, perkosaan, penyalahgunaan dadah, pil ecstasy, pembuangan bayi, mencabul kehormatan dan memiliki senjata di sekitar kita semakin menjadi-jadi. Masalah keruntuhan akhlak yang telah membawa kepada gejala yang tidak bermoral dan beretika dalam masyarakat hari ini.

Masalah di atas selalunya berpunca daripada nilai-nilai kemanusiaan dan prinsip moral masyarakat yang semakin nipis (J.K.D Perdagangan Daerah Batu Pahat, 2005). Segelintir daripada masyarakat kita tidak rela mengamalkan nilai-nilai murni. Mereka lebih mementingkan kesenangan diri daripada menghormati etika dan nilai-nilai murni (Ahmad, 1999). Nilai-nilai murni merupakan satu unsur yang penting kerana ia menggambarkan ketulusan nilai yang dibawa ataupun makna yang dipegang oleh seseorang dalam kehidupan. Sehubungan dengan itu, pengamalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian kita adalah perlu dan amat penting.

Dalam majlis pelancaran Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang diadakan pada 11 Januari, 2005, Abdullah telah menyatakan bahawa:

Budaya dan sistem nilai itulah yang sebenarnya menjadi kayu ukur dan mercu tanda sesebuah negara maju.

(Kementerian Kebudayaan Kesenian Dan Warisan Malaysia, 2005:5)

Pernyataan tersebut telah menunjukkan bahawa pengamalan nilai-nilai murni adalah amat penting dalam mencapai kemajuan negara kita dan juga Wawasan 2020 nanti. Aspek dalaman atau aspek peribadi adalah perlu untuk menjadikan masyarakat kita sebuah masyarakat yang benar-benar bertamadun. Penghayatan nilai-nilai murni

akan menjamin kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat majmuk. Selain daripada itu, ianya juga menjadikan bangsa itu terhormat lagi disegani. Sejarah telah mencatatkan kecermelangan tamadun Andalusia kerana meletakkan prinsip-prinsip akhlak dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam setiap bidang kehidupan yang merangkumi perundangan, kesenian, sastera selain budaya serta ekonomi dan politik (Alan, 2005).

Sekiranya kita membiarkan masalah keruntuhan moral bermaharajarela, maka secara tidak langsung hal yang demikian akan mendekati kepada kehancuran kita. Sejarah telah membuktikan bahawa Tamadun Rom yang begitu hebat telah runtuh dan ditelan zaman akibat kepincangan moral yang berlaku dalam masyarakat. Untuk pengetahuan kita, Tamadun Barat yang meletakkan kepentingan kebendaan dan duniawi semata-mata sebagai arah tuju hidup pada hari ini tidak mempunyai perbezaan besar dengan sejarah Tamadun Rom tersebut. Realiti ini telah menyedarkan kita bahawa betapa pentingnya agama dalam menyelesaikan masalah keruntuhan moral yang kita alami pada masa kini (Alan, 2005). Dengan kata lain, masyarakat kita seharusnya berpegang kepada agama dan mengamalkan nilai-nilai murni supaya kesejahteraan kita terjamin. Dengan adanya keimanan yang teguh dan nilai-nilai yang baik dalam diri, akhlak seseorang dapat dijaga dan dihindar dari melakukan perkara-perkara yang mungkar (Bohiyah, 1998).

Memandangkan pengamalan nilai-nilai murni merupakan sesuatu perkara yang amat penting dan juga boleh menentukan kejayaan dan kemajuan sesebuah negara seperti mana yang telah dinyatakan, maka masyarakat kita seharusnya mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehariannya.

1.3 Latar Belakang Masalah

Sistem pendidikan Malaysia yang diamalkan sejak pertengahan dekad 1980-an dan 1990-an adalah sistem yang telah banyak berubah daripada sistem lama yang diperkenalkan selepas merdeka. Menurut Abdul Roof dan Sharifah Nor (2000),

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan (1979) mentakrifkan kurikulum sebagai suatu program pendidikan yang merangkumi semua pengetahuan dan kemahiran nilai dan norma, unsur-unsur budaya dan kepercayaan yang terpilih untuk diwariskan kepada ahli-ahli masyarakat.

Sehubungan dengan itu, satu kurikulum yang baru telah diperkenalkan untuk menggantikan kurikulum lama. Di peringkat sekolah rendah, KBSR (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah) diperkenalkan pada tahun 1983 manakala di peringkat sekolah menengah, KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) diperkenalkan pada tahun 1988 (Robiah, 1994). Semasa membentuk KBSM, Falsafah Pendidikan menjadi pertimbangan penting. Falsafah Pendidikan Negara seperti yang berikut akan menentukan arah haluan asas dan sumber inspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

(Mok, 2001:146-147)

Matlamat pendidikan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara adalah bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dengan ini, pendidikan boleh melahirkan generasi muda yang berakhlak dan bertingkah laku baik untuk dipamerkan dalam pergaulan dan masyarakat madani.

Pembentukan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang berlandaskan perakuan 57(a) Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar

Pelajaran adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas, iaitu bidang komunikasi, bidang manusia dan alam sekelilingnya dan bidang perkembangan diri individu. Menurut Kamarudin (1989), bidang perkembangan diri individu meliputi semua aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, bakat, akhlak, nilai-nilai estetika dan sosial. Pernyataan ini menunjukkan bahawa KBSM amat menitikberatkan perkembangan diri individu dan penerapan nilai-nilai murni melalui matapelajaran yang diajar di sekolah.

Dengan berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara, pelajar-pelajar didedahkan kepada nilai-nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah melalui mata pelajaran seperti matapelajaran Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral, Kemahiran Hidup dan matapelajaran yang lain. Ibu bapa mereka juga memberikan didikan moral dan agama dalam kehidupan seharian. Di samping itu, pelajar-pelajar juga sering didedahkan tentang penerapan nilai-nilai murni melalui media massa.

Merujuk kepada perkara di atas, pelajar-pelajar telah diterapkan nilai-nilai murni melalui pelbagai saluran seperti mana yang diperkatakan. Walau bagaimanapun, tahap peningkatan gejala keruntuhan akhlak, kemerosotan disiplin dan nilai sosial semakin berleluasa pada akhir tahun 1980an, 1990an sehinggalah ke hari ini. Menurut Kassim (1984), jenayah-jenayah yang semakin bertambah dan meluas, maksiat yang berleluasa, kemerosotan akhlak, dan keruntuhan disiplin dalam masyarakat menandakan wujudnya krisis sosial dan moral.

Menurut Polis Di Raja Malaysia, Bukit Aman, golongan remaja yang terlibat dengan jenayah remaja adalah dalam usia 10 hingga 18 tahun, di mana ianya membabitkan kes bunuh, serangan dengan niat membunuh, pecah rumah, curi kereta, menculik dan memukul. Berikut adalah statistik bagi kes jenayah yang berlaku di antara tahun 1997 sehingga tahun 2004:

Jadual 1.1: Statistik Jenayah Keganasan

JENIS KES	Tahun 1997	Tahun 1998	Tahun 1999	Tahun 2000	Tahun 2001	Tahun 2002	Tahun 2003	Tahun 2004
Bunuh	540	629	588	551	608	516	565	565
Cuba Bunuh	52	51	52	43	68	64	77	92
Samun Berkawan Bersenjatapi	43	64	74	89	65	73	45	44
Samun Berkawan Tanpa Senjatapi	1,079	1,358	1,482	1,681	1,697	1,704	1,920	1,689
Samun Bersenjatapi	589	741	700	722	566	425	381	334
Samun Tanpa Senjatapi	7,316	9,518	11,494	12,204	11,333	12,203	13,963	13,221
Rogol	1,429	1,539	1,457	1,210	1,354	1,418	1,417	1,718
Cederakan Manusia	5,871	5,746	5,310	5,104	4,699	4,440	4,368	4,196
JUMLAH	16,919	19,673	21,157	21,604	20,390	20,843	22,790	21,859

Jadual 1.2: Statistik Jenayah Harta Benda

JENIS KES	Tahun 1997	Tahun 1998	Tahun 1999	Tahun 2000	Tahun 2001	Tahun 2002	Tahun 2003	Tahun 2004
Pecah Rumah & Curi (Siang)	7,716	8,912	9,401	8,675	7,449	6,821	6,928	6,550
Pecah Rumah & Curi (Malam)	21,644	25,559	26,535	24,238	21,003	18,444	18,861	18,354
Curi Motor Lori/Van	1,801	2,579	3,485	3,689	4,306	4,570	5,551	4,892
Curi Motokar	3,299	4,605	6,196	7,278	8,520	8,544	8,537	8,624
Curi Motosikal	26,796	36,766	41,905	45,903	47,223	47,137	50,212	51,560
Curi Ragut	-	-	-	15,082	14,368	14,640	15,798	11,536
Lain-lain Curi	43,001	60,765	60,436	54,881	33,210	28,043	27,638	33,080
JUMLAH	104,257	136,186	147,958	145,569	136,079	128,199	133,525	134,596

SUMBER: Laman Web Rasmi Polis Diraja Malaysia

Statistik yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 dan Jadual 1.2 telah menunjukkan bahawa kes jenayah semakin meningkat dan berada pada tahap yang amat membimbangkan.

Di samping itu, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (YPJM), dalam Zainuddin (2005), didapati bahawa sebanyak 1691 kes jenayah dilakukan pelajar dari Januari hingga Julai pada tahun 2005 berbanding dengan 1662 kes pada tempoh yang sama tahun yang lalu. Jumlah kes jenayah tersebut telah meningkat. Menurut Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, dalam Azmi (2005), kes-kes jenayah tersebut adalah seperti kes rogol, kes bunuh, kes keganasan yang menyebabkan kecederaan parah, kes kesalahan yang menyebabkan cedera ringan, kes samun berkumpulan, kes samun bersenjata api, kes samun tanpa senjata api, kes curi kenderaan, kes curi malam hari, kes curi siang, ragut dan sebagainya. Statistik bagi kes-kes tersebut boleh merujuk Lampiran G.

Menurut Bohiyah (1998), masalah keruntuhan akhlak dan krisis moral ini adalah berpunca daripada tipisnya pengetahuan nilai-nilai murni dalam masyarakat kita pada masa kini. Masalah terjebaknya kes jenayah di kalangan kanak-kanak adalah disebabkan oleh kurangnya didikan agama, longgarnya ikatan kekeluargaan, persekitaran tempat tinggal yang tidak selesa, pengaruh kawan, media massa dan teknologi maklumat (Hasliza Hassan, 2005). Menurut Borner (1970), dalam Abdul Rahim (1993), masalah yang serius berkaitan dengan nilai pada tingkah laku manusia tidak boleh dibiarkan sebagai krisis berterusan. Langkah-langkah perlu diambil untuk mengatasi masalah kemerosotan nilai kemanusiaan ini. Ini adalah kerana masalah nilai merupakan asas dan kemuncak kepada kewujudan manusia. Menurut beliau, daripada nilai kelompok, kita boleh memperoleh kebudayaan, ketamadunan, dan satu cara baharu hidup bersama.

Sehubungan dengan itu, kajian adalah amat perlu memandangkan terdapat juga masalah sosial, masalah keruntuhan moral dan sebagainya yang berlaku walaupun 16 nilai-nilai murni iaitu baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat yang boleh membentuk sahsiah dan keperibadian seseorang telah diterapkan melalui pelbagai saluran. Berdasarkan latar belakang masalah ini, maka kajian perlu dijalankan agar memberi gambaran yang jelas kepada pelbagai

pihak tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar sekolah.

1.4 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah yang telah dinyatakan di atas, penyelidik ingin membuat kajian ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim.

1.5 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian yang disasarkan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah untuk:

- i. Mengenalpasti sama ada faktor kekeluargaan boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar.
- ii. Mengenalpasti sama ada faktor latar belakang pendidikan boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar.
- iii. Mengenalpasti sama ada faktor rakan sebaya boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar.
- iv. Mengenalpasti sama ada faktor persekitaran boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang disasarkan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah:

- i. Adakah faktor kekeluargaan boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar?
- ii. Adakah faktor latar belakang pendidikan boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar?
- iii. Adakah faktor rakan sebaya boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar?
- iv. Adakah faktor persekitaran boleh mempengaruhi pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar?